



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESEDIAAN AFEKTIF, KOGNITIF DAN PSIKOMOTOR GURU PENASIHAT TERHADAP AMALAN PENGURUSAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH HILIR PERAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESEDIAAN AFEKTIF, KOGNITIF DAN PSIKOMOTOR GURU PENASIHAT
TERHADAP AMALAN PENGURUSAN KOKURIKULUM DI
SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH HILIR PERAK**

NURUL HAFIZAH BINTI AHMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32

Pind : 00 m/s: 1/1

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada **14** (hari bulan) **07** (bulan) **2020****i. Perakuan pelajar :**

Saya, NURUL HAFIZAH BINTI AHMAD, M20162001976, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESEDIAAN AFEKTIF, KOGNITIF DAN PSIKOMOTOR GURU PENASIHAT TERHADAP AMALAN PENGURUSAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH HILIR PERAK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. FANNY KHO CHEE YUET (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESEDIAAN AFEKTIF, KOGNITIF DAN PSIKOMOTOR GURU PENASIHAT TERHADAP AMALAN PENGURUSAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH HILIR PERAK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

14.07.2020

Tarikh


Dr. Fanny Kho Chee Yuet
Penyelia
Fakultas Kesenian
Fakultus Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

KESEDIAAN AFEKTIF, KOGNITIF DAN PSIKOMOTOR GURUPENASIHAT TERHADAP AMALAN PENGURUSAN KOKURIKULUM
DI SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH HILIR PERAK.

No. Matrik / Matric No.:

M20162001976

Saya / I :

NURUL HAFIZAH BINTI AHMAD

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Copi/ Name & Copy & Official Stamp)Tarikh: 14.07.2020

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkusa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
iv

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya, penyelidikan ini dapat disempurnakan seperti yang diimpikan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. pesuruh Allah yang amat dikasihi. Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia penyelidikan saya, Dr. Fanny Kho Chee Yuet yang banyak bersabar dan tanpa jemu menghulurkan bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat serta kata-kata semangat. Sekalung ucapan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak, Guru-Guru Besar, guru-guru dari sekolah yang terlibat dan membantu secara langsung dalam penyelidikan ini. Penghargaan ini juga ditujukan khas buat suami tersayang, En. Mohamad Rashidi Bin Mohamad Sidek, ibu, ayah, keluarga dan rakan-rakan yang tanpa jemu memberikan semangat dan dorongan serta mendoakan kejayaan saya. Sumbangan tenaga dan usaha mereka yang membantu saya sepanjang proses penyelidikan ini tidak termampu dibalas. Akhir sekali terima kasih di atas segala pengorbanan, sokongan dan kasih sayang yang ikhlas tanpa batas. Alhamdulillah, semoga jasa dan pengorbanan kalian dapat dibalas oleh Allah S.W.T.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak. Pendekatan kajian ini berbentuk kuantitatif di mana sampel kajian melibatkan 280 orang guru penasihat di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak. Kajian ini menggunakan pendekatan korelasi untuk mengenal pasti hubungan di antara boleh ubah bebas dan boleh ubah bersandar dalam kajian. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi iaitu analisis korelasi Pearson. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah. Namun begitu, kesediaan afektif guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah mempunyai hubungan yang sangat lemah. Sementara, kesediaan kognitif guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah adalah sederhana. Selain itu, hubungan antara kesediaan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah adalah lemah. Sehubungan itu, semua pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekolah dan guru penasihat perlu mengambil inisiatif yang lebih berkesan agar kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum dapat dipertingkatkan. Kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat adalah penting bagi memastikan amalan pengurusan kurikulum di sekolah dapat dikendali dan diuruskan dengan baik dan berkesan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v



THE AFFECTIVE, COGNITIVE, AND PSYCHOMOTOR READINESS OF ADVISORY TEACHERS IN CO-CURRICULAR MANAGEMENT PRACTICES IN PRIMARY SCHOOLS IN HILIR PERAK DISTRICT

ABSTRACT

This study aimed to identify the relationship of affective, cognitive and psychomotor readiness of teacher advisors in co-curricular management practices in primary schools in Hilir Perak District. The approach of this study is quantitative and the sample of study involved 280 advisory teachers in primary schools in Hilir Perak District. This study used a correlation approach to identify the relationship between independent variables and dependent variables. The data were analyzed using descriptive and inference analysis which is Pearson correlation analysis. The findings show that there is a significant relationship between affective, cognitive and psychomotor readiness of teacher advisors to co-curricular management practices in schools. However, the relationship between affective teachers' readiness for co-curricular management practices in schools is very weak. Meanwhile, the teachers' cognitive awareness of co-curricular management practices in schools is moderate. In addition, the relationship between psychomotor readiness of teacher advisors to co-curricular management practices in schools is weak. In this regard, all parties such as the Ministry of Education Malaysia (MOE), schools and teacher advisors need to take more initiatives in order to enhance the affective, cognitive and psychomotor readiness of advisory teachers in the practice of co-curricular management. Affective, cognitive, and psychomotor readiness of teacher advisors is essential to ensure that the curriculum management practices in the school are managed wisely and effectively.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Tujuan Kajian	13
1.5	Objektif Kajian	13
1.6	Soalan Kajian	14
1.7	Hipotesis Kajian	14
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	15
1.9	Kepentingan Kajian	17
1.10	Definisi Operasional	19
	1.10.1 Kesediaan	19





1.10.2	Kesediaan Afektif	20
1.10.3	Kesediaan Kognitif	21
1.10.4	Kesediaan Psikomotor	22
1.10.5	Pengurusan Kokurikulum	23
1.10.6	Sekolah Kebangsaan	24
1.10.7	Guru Penasihat	25
1.11	Batasan Kajian	26
1.12	Rumusan	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	29
2.2	Sikap	30
2.3	Kesediaan Afektif, Kognitif dan Psikomotor Guru Penasihat Terhadap Amalan Pengurusan Kokurikulum	32
2.4	Perbezaan Sikap dan Kesediaan Afektif, Kognitif dan Psikomotor Guru Penasihat Terhadap Amalan Pengurusan Kokurikulum	37
2.5	Kepentingan Kokurikulum	40
2.6	Pengurusan Kokurikulum	41
2.7	Teori dan Model Kajian	43
2.7.1	Hukum Kesediaan Thorndike	43
2.7.2	Model Sikap Gabungan Tiga Komponen	46
2.7.3	Model Pengurusan Gagasan Stoner dan Wankel (1996)	49
2.8	Implikasi Teori dan Model Pengurusan Terhadap Kajian	51
2.9	Kesan Aktiviti Kokurikulum	59
2.10	Kajian-kajian Lepas	60



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	68
3.2	Reka Bentuk Kajian	69
3.3	Lokasi Kajian	70
3.4	Populasi dan Persampelan Kajian	70
3.5	Instrumen Kajian	74
3.5.1	Reka Bentuk Soal Selidik	77
3.6	Kajian Rintis	77
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	79
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	82
3.9	Prosedur Penganalisisan Data	83
3.10	Rumusan	87

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	88
4.2	Analisis Statistik Deskriptif	89
4.2.1	Profil Responden Kajian	89
4.3	Pengesanan Kepelbagai dan Kestabilan Pemboleh Ubah	91
4.3.1	Ujian Normaliti	92
4.3.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	96
4.4	Analisis Statistik Inferensi	97
4.4.1	Soalan Kajian 1 : Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan afektif guru penasihat terhadap amalan pengurusan	97





kokurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak?

4.4.2	Soalan Kajian 2 : Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan kognitif guru penasihat terhadap amalan pengurusan kokurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak?	99
4.4.3	Soalan Kajian 3 : Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kokurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak?	101
4.5	Rumusan	103

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN



5.1	Pengenalan	105
5.2	Rumusan Dapatan	106
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	107
5.3.1	Kesediaan Afektif Guru Penasihat Terhadap Amalan Pengurusan Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan di Daerah Hilir Perak.	108
5.3.2	Kesediaan Kognitif Guru Penasihat Terhadap Amalan Pengurusan Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan di Daerah Hilir Perak.	111
5.3.3	Kesediaan Psikomotor Guru Penasihat Terhadap Amalan Pengurusan Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan di Daerah Hilir Perak.	113
5.4	Implikasi Kajian	115
5.5	Sumbangan Kajian	119
5.6	Cadangan Kajian Masa Hadapan	120
5.7	Rumusan	122
	RUJUKAN	123
	LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Bilangan Sampel Kajian	73
3.2 Keterangan Skala Likert Bagi Instrumen Kajian	76
3.3 Nilai Pekali Alpha Cronbach Bagi Ujian Rintis Berdasarkan Pembolehubah	80
3.4 Ujian Statistik Deskriptif Bagi Soalan-soalan dalam Instrumen	84
3.5 Ujian Statistik Inferensi Bagi Soalan-soalan dalam Instrumen	85
3.6 Kekuatan Hubungan Korelasi	86
3.7 Ringkasan Analisis Data yang Digunakan	86
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina, Menghadiri Kursus dan Tempoh Penglibatan dalam Kokurikulum	91
4.2 Nilai Kepencongan (<i>Skewness</i>) dan Kecerunan (<i>Kurtosis</i>) Bagi Setiap Item Pemboleh Ubah Kesediaan Guru	93
4.3 Nilai Kepencongan (<i>Skewness</i>) dan Kecerunan (<i>Kurtosis</i>) Bagi Setiap Item Pemboleh Ubah Amalan Pengurusan Kokurikulum	94
4.4 Jadual Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	97
4.5 Hubungan Korelasi Kesediaan Afektif Guru Penasihat Terhadap Amalan Pengurusan Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan di daerah Hilir Perak ($N = 280$)	98
4.6 Hubungan Korelasi Kesediaan Kognitif Guru Penasihat Terhadap Amalan Pengurusan Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan di daerah Hilir Perak ($N = 280$)	100
4.7 Hubungan Korelasi Kesediaan Psikomotor Guru Penasihat Terhadap Amalan Pengurusan Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan di daerah Hilir Perak ($N = 280$)	102
4.8 Rumusan Hipotesis Kajian	104





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian Kesediaan Afektif, Kognitif dan Psikomotor Guru Penasihat Terhadap Amalan Pengurusan Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan	16
2.1 Model Sikap Gabungan Tiga Komponen	47
2.2 Model Pengurusan Gagasan Stoner dan Wankel (1996)	50
2.3 Hubungan Pemboleh Ubah Bebas dengan Model Sikap Gabungan Tiga Komponen (Model ABC)	56
2.4 Hubungan Antara Model Pengurusan dengan Pemboleh Ubah Bersandar	59
4.1 Histogram normaliti data kajian setiap dimensi bagi pemboleh ubah kajian	95





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

SENARAI SINGKATAN

BKK	Bantuan Kokurikulum Sekolah
BPPDP	Bahagian Penyedilikan Perancangan Dasar Pendidikan
BPS	Bahagian Pengurusan Sekolah
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPPK	Instrumen Pemantauan Pengurusan Kokurikulum
IPSPPK	Instrumen Pemastian Standard Pengurusan Program Kokurikulum
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan Dan Kokurikulum
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PUSAKO	Pusat Kokurikulum
SEGAK	Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan
SK	Sekolah Kebangsaan
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xi

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (EPRD)
- B Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (JPN)
- C Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (PPD)
- D Borang Soal Selidik
- E Pembahagian Item Soal Selidik
- F Bilangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan di Daerah Hilir Perak.
- G Jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)
- H Keputusan Analisis SPSS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



1.1 Pengenalan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pendidikan di Malaysia adalah tunjang utama dalam aspek pembangunan negara. Sistem pendidikan di negara ini memberikan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada setiap individu dalam membantu perkembangan ekonomi yang sihat dan masyarakat yang sejahtera. Sistem pendidikan di negara ini bukan sahaja menekankan aktiviti kurikulum, malah aktiviti kokurikulum juga harus dilaksanakan. Pelbagai aktiviti kokurikulum telah disediakan dan dijalankan di setiap sekolah bagi merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui pembangunan murid secara holistik dengan memperkuuhkan aktiviti kokurikulum di sekolah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Perkembangan mental dan fizikal murid akan berkembang melalui penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum di sekolah (Yusnizam, 2008). Sehubungan itu, aspek perkembangan murid ini adalah selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Aktiviti kokurikulum merupakan sebahagian daripada kurikulum kebangsaan yang wajib dilaksanakan (Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)). Tindakan undang-undang boleh dikenakan kepada pihak sekolah sekiranya gagal melaksanakan aktiviti kokurikulum berdasarkan penalti am Akta Pendidikan 1996. Oleh itu, peranan kokurikulum adalah penting bagi membantu melahirkan modal insan yang cemerlang



Merujuk Perkara 5.1, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985, matlamat utama aktiviti kokurikulum dijalankan adalah mengkehendaki sekurang-kurangnya setiap murid menyertai aktiviti kokurikulum iaitu satu badan beruniform, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan di peringkat sekolah. Sehubungan itu, pihak sekolah perlu menyediakan peluang yang luas kepada murid-murid untuk menyertai aktiviti kokurikulum yang diminati.

Bagi memastikan aktiviti kokurikulum dapat dilaksanakan dengan baik, maka pihak sekolah harus memberikan penekanan yang sama rata bagi kedua-dua bidang iaitu kurikulum dan kokurikulum agar tidak dipandang ringan oleh mana-mana pihak. Proses pembentukan individu dalam bidang kurikulum dan kokurikulum harus





diteruskan secara adil dan menyeluruh tanpa ada sebarang sekatan (Tam, 2010; Ab. Alim, 2004).

Menurut Mohd Fazli, Suhaida dan Soaib (2013), aktiviti kokurikulum merupakan proses pembelajaran yang bukan sahaja dijalankan di luar bilik darjah mahupun di dalam bilik darjah, tetapi aktiviti kokurikulum mampu mempertingkatkan perkembangan mental dan fizikal murid-murid. Berdasarkan kajian mereka, murid-murid yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum mempunyai tingkah laku dan emosi yang baik.

Selain itu, Mohd. Sofian, Aminuddin dan Borhan (2002) menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum merupakan proses pembelajaran yang memberikan peluang kepada murid untuk menguji tahap pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari serta dapat mengamalkan nilai-nilai murni seperti bertanggungjawab, bekerjasama dan berdisiplin semasa menjalankan aktiviti kokurikulum. Oleh yang demikian, pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah dapat melahirkan murid yang seimbang secara menyeluruh seperti yang dihasratkan oleh FPK.

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 17/2000, aktiviti kokurikulum perlu dilaksanakan secara berkumpulan tanpa sebarang unsur diskriminasi atau paksaan. Pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah tertumpu kepada proses pembelajaran untuk meningkatkan perpaduan dan intergrasi dalam kalangan murid-murid. Oleh yang demikian, aktiviti kokurikulum yang dijalankan haruslah bersifat merentas disiplin, menyeluruh dan tidak bersifat eksklusif. Menurut Mohd Najib (2011), nilai-nilai murni





misalnya bertanggungjawab, berdikari dan berkemahiran akan terbentuk dalam kalangan murid-murid yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.

Konsep kokurikulum adalah merangkumi pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang merentasi kurikulum dan melibatkan aktiviti fizikal, kesenian, aktiviti sains dan teknologi serta kumpulan sosial. Di samping itu, aktiviti kokurikulum memfokuskan kepada hasil pembelajaran terhadap pencapaian dalam komponen afektif, kognitif dan psikomotor (Jamaluddin, Mohd Majid, Tumiran & Rosna, 2009).

Selain itu, aktiviti kokurikulum adalah merupakan komponen yang berperanan sebagai asas kepada pendidikan daya kepimpinan serta kerja berpasukan yang membantu perkembangan pendidikan secara menyeluruh seperti dapat melahirkan murid yang berdisiplin, berilmu pengetahuan, berani serta pemimpin yang bijak mengawal keadaan (Crocco & Wakeman, 2014; Nurul Haerani, Ahmad & Zalina, 2014; Zahir & Shafqat, 2012).

Namun begitu, menurut Azwan (2015) dan Ismail (2007), masih ramai lagi guru dan guru besar yang tidak menyedari bahawa kepentingan aktiviti kokurikulum ini kepada pendidikan negara. Masyarakat beranggapan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah ini hanyalah usaha daripada pihak sekolah sahaja.





1.2 Latar Belakang Kajian

Aktiviti kokurikulum telah diberikan perhatian yang serius oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pelbagai usaha telah diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan murid melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum seperti memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Salah satu komponen yang terdapat dalam sistem PBS ini adalah penilaian berdasarkan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) yang merangkumi tiga komponen penilaian iaitu komponen pertama merupakan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK), komponen kedua adalah kokurikulum yang melibatkan sukan dan permainan, kelab dan persatuan serta badan beruniform manakala komponen ketiga adalah ekstra kurikulum (Lembaga Peperiksaan, 2014).



Menurut Yeam (2007), guru seharusnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta latihan yang mencukupi dalam bidang yang diceburi misalnya bidang kokurikulum untuk memastikan proses pembelajaran dapat disampaikan dan diterima dengan baik oleh murid-murid. Sehubungan itu, guru haruslah bersedia dengan memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan mempunyai kemahiran yang mendalam dalam aktiviti kokurikulum supaya dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dalam mengurus dan mengendalikan aktiviti kokurikulum dengan lebih baik. Proses pelaksanaan kokurikulum yang teratur akan dapat meninggalkan impak yang positif terhadap perkembangan afektif, kognitif dan psikomotor guru itu sendiri seterusnya dapat membantu perkembangan murid serta pencapaian sekolah ke peringkat yang lebih tinggi.





Selain itu, bagi memastikan kepentingan pelaksanaan aktiviti kurikulum terhadap sistem pendidikan negara berterusan, pihak kerajaan telah meletakkan syarat bagi kemasukan pelajar ke pusat pengajian tinggi dan sekolah-sekolah berasrama penuh iaitu penetapan sepuluh peratus penglibatan murid dalam aktiviti kurikulum (Azwan, 2015; Fauziah, Fatimah, Siti Mizarina & Mohd Noor, 2010). Sehubungan itu, guru-guru penasihat di sekolah haruslah memainkan peranan dan tanggungjawab mereka dalam aktiviti kurikulum di sekolah dengan baik supaya dapat menarik minat murid terlibat dalam aktiviti-aktiviti kurikulum secara optimum.

Selain itu, Mok (2011) menjelaskan aktiviti kurikulum merupakan satu proses pembelajaran yang berasaskan gerak kerja yang dirancang dan dilaksanakan secara tersusun. Aktiviti kurikulum adalah kesinambungan daripada proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam bilik darjah (Mok, 2011). Oleh itu, aktiviti kurikulum yang dilaksanakan oleh guru penasihat kurikulum dapat memberikan peluang kepada murid-murid untuk menambahkan ilmu pengetahuan, menimba pengalaman dan meningkatkan kemahiran serta nilai-nilai murni yang dipelajari semasa menjalankan aktiviti kurikulum di sekolah.

Berdasarkan Surat Pekeling Ikhtisas Bil. 1/1985 (Perkara 5.2), semua guru adalah wajib melibatkan diri dalam aktiviti kurikulum dan dikehendaki melaksanakan aktiviti kurikulum di sekolah dengan berkesan dan lancar. Sehubungan itu, setiap guru di sekolah perlulah secara bertulis, diberikan tugas dan tanggungjawab yang khusus dan jelas dalam bidang kurikulum dan menjadi guru penasihat bagi aktiviti-aktiviti kurikulum yang disertai.





Oleh yang demikian, sebagai tunjang utama dalam pelaksanaan aktiviti kurikulum di sekolah, guru penasihat haruslah bersedia untuk menghadapi cabaran dalam melaksana dan menguruskan aktiviti kurikulum dari segi fizikal dan mental. Justeru, kajian berkaitan kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap aktiviti kurikulum di sekolah harus dilakukan bagi menjelas dan mengenal pasti sejauh mana hubungannya dengan amalan pengurusan kurikulum di sekolah.

1.3 Penyataan Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pelbagai usaha agar memastikan bidang kurikulum dan kurikulum mempunyai kepentingan yang sama



dalam sistem pendidikan negara (Chua, 2015). Pelaksanaan aktiviti kurikulum yang wajib di sekolah perlu dijalankan dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Kesediaan guru penasihat dalam merancang, melaksana, mengendali dan menguruskan aktiviti kurikulum yang dijalankan dapat menentukan keberkesanan pelaksanaan aktiviti kurikulum di sekolah. Menurut Azwan (2015), tanggungjawab guru adalah melaksana dan menguruskan aktiviti kurikulum di sekolah dengan baik.

Sehubungan itu, kajian ini mengutarakan beberapa permasalahan berkaitan kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah. Antara permasalahan yang dikenal pasti dari segi afektif ialah guru penasihat yang kurang minat dan tiada kemahiran dalam mengendalikan aktiviti kurikulum di sekolah (Hanisha, 2006). Guru-guru tidak





bersungguh-sungguh dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum dan lebih mementingkan akademik berbanding aktiviti kokurikulum (Hanisha, 2006).

Berdasarkan kajian Jaggil (2010) dan Abdul Halim (2005), guru penasihat yang kurang berkemahiran menjadi punca pengurusan kokurikulum di sekolah kurang memuaskan. Di samping itu, pengurusan kokurikulum yang lemah juga disebabkan oleh guru penasihat yang kurang berpengalaman dalam mengendalikan aktiviti kokurikulum di sekolah (Jaggil, 2010; Abdul Halim, 2005). Oleh yang demikian, mereka menyarankan agar guru-guru penasihat diberikan peluang menghadiri kursus-kursus berkaitan kokurikulum dan menyertai aktiviti-aktiviti kokurikulum yang diadakan bagi meningkatkan pengetahuan kognitif dan kemahiran psikomotor mereka dalam bidang kokurikulum.



Zuraini (2018) turut menyatakan bahawa guru penasihat menghadapi masalah untuk mempelbagaikan aktiviti kokurikulum misalnya aktiviti persatuan dan unit beruniform untuk mengekalkan minat murid. Sehubungan itu, masalah ini berkait rapat dengan kurangnya kemahiran dan pengetahuan guru-guru penasihat dalam bidang berkenaan.

Selain itu, masalah lain yang dikenal pasti dapat mempengaruhi kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kokurikulum di sekolah ialah guru penasihat kurang menghadiri kursus-kursus berkaitan kokurikulum (Mohamed Sani, 2007). Menurut Mohamed Sani (2007) juga, guru-guru penasihat ini tidak mempunyai pengetahuan kognitif yang tinggi untuk menguruskan aktiviti kokurikulum. Berdasarkan hasil kajian beliau, 95% daripada





guru-guru siswazah yang merupakan guru penasihat kokurikulum tidak mempunyai peluang untuk menghadiri kursus-kursus berkaitan dengan bidang kokurikulum semasa dalam perkhidmatan. Oleh yang demikian, ianya dapat mempengaruhi kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor mereka untuk mengendali dan menguruskan aktiviti kokurikulum di sekolah dengan baik.

Sharifah (2015) menyatakan guru-guru penasihat kurang diberikan pendedahan dan latihan yang mencukupi dalam bidang kokurikulum menjadi punca guru-guru penasihat tidak bersedia dari segi afektif, kognitif dan psikomotor dalam melaksana dan menguruskan aktiviti kokurikulum di sekolah. Sehubungan itu, beliau menyarankan agar guru-guru penasihat perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan diberikan latihan yang bersetujuan dalam bidang kokurikulum bagi meningkatkan minat dan menambahkan kemahiran mereka serta memiliki kebolehan mengurus dengan baik supaya pengurusan kokurikulum di sekolah dapat berjalan lancar dan berkesan.

Sementara itu, menurut Wong (2008) sikap guru penasihat yang lemah dalam menguruskan aktiviti kokurikulum serta sukan dan permainan turut mempengaruhi amalan pengurusan kokurikulum yang berkesan di sekolah. Guru-guru penasihat kokurikulum yang baharu masih kurang cekap mengendalikan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang diadakan di sekolah, kurang berkemahiran dalam bidang kokurikulum, tidak bersedia dan tiada pengalaman dalam bidang pengurusan (Wong, 2008).





Selain itu, Aliza (2007) menjelaskan, walaupun guru-guru penasihat kurikulum baharu di sekolah telah diberikan latihan semasa dalam tempoh pengajian mereka di Institut Pendidikan Guru (IPG), namun pihak institut tidak menyediakan mereka dengan pengalaman yang sebenar di sekolah. Pandangan ini turut dikongsi bersama oleh Azwan (2015). Oleh itu, masalah ini mempengaruhi kesediaan guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah khususnya dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti kurikulum.

Selain itu, Werner dan DeSimone (2009) menyatakan, tingkah laku dan amalan seseorang itu dipengaruhi oleh sikap. Berdasarkan kajian mereka, didapati bahawa sikap seseorang itu merupakan faktor utama kepada kecenderungan dan kesediaan guru penasihat yang merangkumi kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor untuk mengacu pengurusan kurikulum yang lebih baik di sekolah. Guru penasihat yang sentiasa bersedia dari segi fizikal dan mental akan dapat melaksanakan sesuatu aktiviti dengan baik sementara guru penasihat yang tidak bersedia dan kurang pengetahuan akan menyebabkan aktiviti yang dijalankan tidak dapat berjalan dengan lancar (Werner & DeSimone, 2009).

Menurut Mohd Fuad (2008) pula, sikap guru penasihat mempengaruhi penglibatan dan kesediaan mereka dalam aktiviti kurikulum yang diadakan. Sehubungan itu, Mohd Fuad (2008) menjelaskan, guru penasihat tidak kreatif dan tidak inovatif serta tidak berminat dalam mengendalikan aktiviti kurikulum di sekolah. Faktor ini boleh menimbulkan masalah terhadap pengurusan kurikulum yang kurang memuaskan di sekolah. Selain itu, beliau menyatakan faktor sekeliling dan latar belakang guru penasihat turut mempengaruhi sikap. Dalam kajian beliau





juga ada menjelaskan bahawa guru penasihat yang berwibawa akan bertindak sebagai pengurus yang hebat dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.

Selain itu, Mohamad Najib dan Jamaliah (2017) menyatakan guru penasihat tidak mempunyai kecekapan dalam mengendalikan aktiviti kokurikulum di sekolah. Menurut mereka, guru penasihat seharusnya berperanan sebagai pembimbing murid secara berterusan. Guru-guru penasihat yang cekap dalam melaksana dan menguruskan aktiviti kokurikulum dapat membantu dalam pencapaian murid dan sekolah (Mohamad Najib & Jamaliah, 2017). Di samping itu, guru-guru penasihat juga perlu memiliki sikap yang baik seperti bertanggungjawab dan menunjukkan minat serta kesungguhan mereka dalam bidang yang diceburi.



emosi guru yang disebabkan oleh bebanan kerja di sekolah mempengaruhi amalan pengurusan kokurikulum. Van Dick dan Wagner (2001) menjelaskan tekanan kerja yang dialami akan meninggalkan kesan yang buruk terhadap perkembangan afektif dan psikomotor guru. Oleh itu, bebanan kerja juga menjadi masalah yang menyumbang kepada hubungan kesediaan guru penasihat terhadap amalan pengurusan kokurikulum di sekolah.

Selain itu, berdasarkan maklumat daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Hilir Perak (2017), peruntukan kewangan yang semakin berkurangan bagi menjalankan aktiviti kokurikulum sama ada di peringkat sekolah mahu pun di peringkat daerah juga menyebabkan pembabitan guru-guru penasihat dalam menyertai aktiviti-aktiviti kokurikulum semakin merosot. Guru-guru penasihat kokurikulum





tidak lagi dihantar ke kursus-kursus di luar daerah malahan kursus-kursus yang berkaitan dengan kokurikulum hanya dijalankan di sekolah-sekolah dan juga di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi menjimatkan kos.

Selain itu, merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2012, kadar Bantuan Kokurikulum Sekolah (BKK) sehingga tahun 2010, bagi sekolah rendah secara puratanya ialah RM10.00 untuk seorang murid setahun manakala untuk pelajar sekolah menengah ialah RM12.00 setahun. Namun begitu, hasil temubual Nor Farhana (2019) bersama Exco Pendidikan, Modal Insan, Sains dan Inovasi, Nor Effandi Ahmad, menjelaskan purata peruntukan kewangan BKK bagi murid sekolah rendah adalah RM 8.00 setahun manakala purata RM10.00 setahun bagi pelajar sekolah menengah. Oleh yang demikian, hasil temubual tersebut mendapati,

peruntukan kewangan BKK bagi setiap murid setahun adalah semakin berkurangan.

Sehubungan itu, aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti perkhemahan unit beruniform, hari Kokurikulum dan lain-lain aktiviti tidak lagi disediakan dengan peruntukan kewangan yang tinggi. Pihak sekolah dikehendaki menguruskan kewangan yang diberikan itu mengikut keutamaan dan perlu berbelanja secara berhemah. Oleh itu, guru-guru penasihat semakin kurang minat untuk mengendalikan aktiviti kokurikulum kerana terpaksa mengeluarkan wang sendiri malah kursus-kursus berkaitan kokurikulum tidak lagi serancak diadakan seperti tahun-tahun sebelumnya.

Selain itu, menurut sumber daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Hilir Perak (2017) juga, guru-guru penasihat yang terlibat dengan Pusat Kokurikulum (PUSAKO) daerah juga semakin berkurangan. Mereka semakin tidak berminat untuk





menyertai aktiviti kokurikulum yang disediakan. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, satu kajian harus dijalankan bagi mengenal pasti kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kokurikulum di sekolah. Tambahan lagi, memandangkan kajian berkaitan hubungan amalan pengurusan kokurikulum di peringkat sekolah rendah kurang dilaporkan, maka satu kajian di peringkat sekolah rendah perlu dijalankan.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menentukan kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kokurikulum di sekolah kebangsaan di



1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Mengenal pasti hubungan kesediaan afektif guru penasihat terhadap amalan pengurusan kokurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak.
- ii. Mengenal pasti hubungan kesediaan kognitif guru penasihat terhadap amalan pengurusan kokurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak.
- iii. Mengenal pasti hubungan kesediaan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kokurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak.





1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, soalan-soalan kajian adalah seperti berikut :

- i. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan afektif guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak?
- ii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan kognitif guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak?



1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut :

H_{o1} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan afektif guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak.

H_{o2} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan kognitif guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak.





H₀₃ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian adalah struktur yang mengukuhkan dan menyokong teori dan model kajian berdasarkan andaian yang membolehkan pembaca menilai secara kritikal, memperkenal dan menjelaskan teori dan model yang dikaji (Swanson, 2013). Kerangka konseptual kajian juga menghubungkan pengkaji dengan pengetahuan sedia ada berpandukan teori dan model kajian yang relevan (Juliana, 2016).



Selain itu, kerangka konseptual kajian juga dapat menyediakan pengkaji asas hipotesis dan pilihan tentang kaedah kajian (Juliana, 2016). Pada asasnya, terdapat beberapa teori pembelajaran yang digunakan sebagai rujukan untuk memboleh ubah bebas kajian iaitu kesediaan guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah yang merangkumi aspek kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat. Namun begitu, pengkaji telah memilih Hukum Kesediaan Thorndike dan Model Sikap Gabungan Tiga Komponen atau dikenali sebagai Model ABC sebagai rujukan kerana dianggap bersesuaian dengan kajian berkaitan kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat.


Sementara itu, kerangka konseptual kajian ini turut membincangkan model kajian bagi memboleh ubah bersandar kajian iaitu amalan pengurusan kurikulum di





sekolah. Model kajian bagi amalan pengurusan kurikulum di sekolah yang dipilih ialah Model Pengurusan Stoner dan Wankel (1996) yang terdiri daripada aspek perancangan, pengorganisasian, pimpinan dan penilaian.

Oleh yang demikian, kerangka konseptual kajian dapat ditunjukkan dalam Rajah 1.1 yang terdiri daripada komponen-komponen yang diukur dalam pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar di samping mengenal pasti hubungan di antara kedua-dua pemboleh ubah berkenaan.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian Kesediaan Afektif, Kognitif dan Psikomotor Guru Penasihat Terhadap Amalan Pengurusan Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan Daerah Hilir Perak.

Sehubungan itu, berdasarkan kerangka konseptual kajian menunjukkan bahawa Kesediaan Guru Penasihat Terhadap Amalan Pengurusan yang terdiri daripada aspek kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat adalah merupakan pemboleh ubah bebas yang digunakan dalam kajian ini.

Sementara itu, pemboleh ubah bersandar kajian ini pula ialah amalan pengurusan kurikulum di sekolah. Bagi amalan pengurusan kurikulum di





sekolah, empat elemen akan dikaji berdasarkan Model Pengurusan Stoner dan Winkel (1996) iaitu aspek perancangan, pengorganisasian, pimpinan dan penilaian.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan sebagai salah satu usaha untuk memastikan pengurusan kurikulum di sekolah terancang dan berkesan. Kajian ini juga bertujuan mengkaji dan meneliti kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak.

Selain itu, kajian ini dilakukan agar maklumat yang berguna dapat

disampaikan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan Bahagian Pengurusan Sekolah (BPS) serta Unit Kokurikulum di setiap Jabatan Pendidikan Negeri dan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) terutamanya dalam usaha melahirkan guru penasihat yang cemerlang seperti dapat mencungkil bakat murid serta melahirkan lebih ramai atlet yang berjaya dalam bidang kurikulum misalnya dalam bidang sukan yang diceburi. Seterusnya dapat menilai serta memantapkan lagi sistem pengurusan kurikulum di peringkat yang lebih baik iaitu dengan mengamalkan pengurusan kurikulum yang terancang dan bersistematik.

Kajian ini juga bertujuan memastikan guru-guru penasihat kurikulum di sekolah supaya lebih bersedia dalam menjalankan aktiviti kurikulum misalnya dapat menyampaikan maklumat dan memberikan bantuan kemahiran berkaitan bidang





kokurikulum dengan baik kepada guru-guru penasihat lain serta melaksanakan amalan pengurusan yang lebih terancang dan efektif bagi melahirkan murid yang benar-benar cemerlang, bersepadu, menyeluruh dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan juga hubungan sosial dalam kalangan masyarakat selaras dengan hasraf FPK.

Selain itu, kajian ini dijalankan supaya dapat menimbulkan kesedaran kepada pihak pentadbir untuk meningkatkan usaha dalam menjayakan pengurusan kokurikulum di sekolah dan seterusnya memberikan peluang kepada mereka dalam membuat pengagihan tugas kokurikulum yang sesuai berdasarkan kemahiran yang dimiliki dan kebolehan guru penasihat dalam mengendalikan aktiviti kokurikulum di sekolah.



Sehubungan itu, hasil kajian yang dilakukan juga akan dapat dijadikan panduan kepada Penolong Kanan Kokurikulum tentang kebolehan guru penasihat dalam merancang, melaksana, memimpin dan menilai berdasarkan teori dan model pengurusan yang dipilih agar bantuan dan bimbingan kepada guru-guru penasihat kokurikulum yang memerlukan dapat diberikan dengan lebih baik.

Di samping itu juga, kepentingan kajian ini ialah dapat memberikan kesedaran kepada pihak pengurusan sekolah untuk memahami masalah dan tanggungjawab guru penasihat demi meningkatkan kualiti pengajaran dan taraf pendidikan dalam negara serta dapat digunakan oleh pihak sekolah untuk melihat segala kemudahan yang disediakan dapat memberikan kepuasan kepada guru-guru penasihat yang berkhidmat di sekolah berkenaan.





Selain itu, kajian ini dijalankan agar dapat memberikan gambaran yang lebih jelas serta kefahaman yang lebih mendalam tentang kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah. Seterusnya, dengan mengenal pasti hubungan kesediaan guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah ini akan dapat membantu dalam meningkatkan minat, menambahkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru penasihat supaya dapat melahirkan murid yang lebih cemerlang dalam bidang kurikulum.

Di samping itu juga, guru-guru penasihat yang mempunyai kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor yang baik akan dapat menguruskan aktiviti kurikulum dengan lebih berkesan serta membantu dalam meningkatkan pencapaian kurikulum sekolah yang lebih mantap.



1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional menerangkan maksud bagi perkataan yang dinyatakan dalam kajian.

1.10.1 Kesediaan

Menurut Mohd Hamzah dan Noraini (2007) kesediaan ialah memperihalkan tentang kesanggupan dan kerelaan. Berdasarkan konteks kajian ini, kesediaan guru penasihat kurikulum merangkumi kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat





terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak.

Selain itu, kesediaan berkait rapat dengan sikap. Menurut Azwan (2015), sikap adalah tingkah laku yang wujud daripada emosi seseorang. Ia merupakan perbuatan yang dilakukan dan ditunjukkan oleh seseorang terhadap sesuatu perkara atau kepada orang lain berdasarkan komponen sikap iaitu afektif, kognitif dan psikomotor (tingkah laku). Pandangan ini juga turut disokong oleh Schiffman dan Kanuk (2000) iaitu sikap manusia terdiri daripada ketiga-tiga komponen tersebut.

1.10.2 Kesediaan Afektif



Menurut Chua (2015), kesediaan afektif bermaksud penilaian guru tentang apa yang mereka suka, dan sesuai dengan diri mereka atau sebaliknya. Sekiranya seseorang guru menyukai tugasnya dan mempunyai kemahiran dalam aktiviti yang dijalankan, guru tersebut akan berusaha bersungguh-sungguh untuk melakukan aktiviti berkenaan. Sebaliknya, jika seseorang guru tidak berpuas hati dengan tugas yang diberikan, atau tidak menyukai tugas tersebut, dia akan menjalankan tugas yang diberikan secara sambil lewa sahaja.

Pandangan Chua (2015) turut disokong oleh Hashim (2000) iaitu apabila seseorang guru yang tidak berminat dengan tugas yang diberikan, guru tersebut akan berasa tidak bersemangat untuk melakukan tugas berkenaan. Selain itu, menurut Mohd Salleh (2012), seseorang guru itu perlu sentiasa meningkatkan ilmu,





berketramilan, mempunyai emosi yang terkawal dan bersedia untuk berkongsi pengalaman dengan semua orang bagi menyelesaikan masalah. Menurut beliau, kesediaan afektif guru bermaksud keinginan, semangat, perasaan dan minat untuk melakukan sesuatu aktiviti yang digemari.

1.10.3 Kesediaan Kognitif

Menurut Jaggil (2010), kesediaan kognitif merujuk kepada kesediaan mental yang tersusun melalui pengalaman yang mendorong kepada tingkah untuk melakukan sesuatu.



kognitif termasuklah kesediaan untuk berfikir, menganalisis, menaakul,membentuk konsep dan menyelesaikan masalah. Menurut mereka, guru yang memiliki tahap kesediaan kognitif yang rendah hanya dapat melihat satu aspek sahaja dalam sesuatu perkara. Mereka tidak dapat melihat idea dan pendapat orang lain dengan baik. Sementara itu, guru yang memiliki kesediaan kognitif yang tinggi dapat melihat pelbagai aspek dalam sesuatu idea itu walaupun ianya berbentuk abstrak (Mohd Kosnin & Md Salleh, 2006) .





1.10.4 Kesediaan Psikomotor (Tingkah Laku)

Bohner dan Wankel (2002) menjelaskan sikap terhadap psikomotor manusia merupakan gambaran kepada tingkah laku atau tindakan seseorang. Idea ini turut dikongsikan oleh Azwan (2015). Kesediaan psikomotor atau tingkah laku merujuk kepada tindakan yang boleh dilihat dan dikawal sepenuhnya oleh individu berdasarkan kebolehan yang ada (Jaggil, 2010; Crawley & Koballa, 1994; Crawley & Coe, 1990). Menurut mereka, individu yang memiliki kecenderungan akan menggunakan semua maklumat, sama ada maklumat yang ada pada diri sendiri atau maklumat daripada masyarakat berkaitan dengan sesuatu perkara sebelum tindakan dilakukan.



Selain itu, menurut Mohd Salleh (2012) kesediaan psikomotor bermaksud [bupsi](#) seseorang yang memiliki kematangan fizikal berpotensi untuk bertindak, berkemahiran serta bersedia untuk melakukan sesuatu tugas yang dipertanggungjawabkan dengan baik.

Oleh yang demikian, berdasarkan kajian ini, komponen sikap yang terdiri daripada afektif, kognitif dan psikomotor merupakan komponen yang penting dalam menentukan kesediaan guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah.





1.10.5 Pengurusan Kokurikulum

Pengurusan kokurikulum dilihat sebagai satu perkara penting dalam organisasi sekolah. Pihak sekolah perlu memainkan peranan yang aktif bagi memastikan pengurusan kokurikulum yang dijalankan dapat dikendali dan diuruskan dengan baik (Melati Yaacob & Hairol Nurasyikin, 2013).

Selain itu, pengurusan kokurikulum merupakan satu proses kemahiran yang penting dalam mencapai matlamat dan tujuan sesebuah organisasi (Zafir, Mohd Hizam & Fazilah, 2009; Robbin & De Cenzo, 2008).

Stoner dan Wankel (2012), menyatakan corak pengurusan lazimnya melibatkan proses merancang, melaksanakan, memimpin dan membuat penilaian. Berdasarkan konteks kajian, guru penasihat kokurikulum merupakan orang yang bertanggungjawab dalam melaksana dan mengurus aktiviti kokurikulum di sekolah (Zulkefli, 2003; Mohd Nordin, 2002).

Selain itu, Zuraini (2018) berpendapat pengurusan kokurikulum adalah kegiatan berkumpulan yang dirancang rentetan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberi peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di dalam bilik darjah. Tambahan lagi, pengurusan adalah suatu aktiviti yang melibatkan perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan penilaian dalam kalangan ahli organisasi secara individu atau berkelompok (Zuraini, 2018).





Sehubungan itu, berdasarkan kajian ini, alat ukuran yang digunakan untuk mendapatkan maklum balas tentang kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kurikulum di sekolah kebangsaan di Daerah Hilar Perak adalah berpandukan kepada komponen pengurusan yang terdapat dalam Model Pengurusan Stoner dan Wankel (1996) iaitu perancangan, pengorganisasian, pimpinan dan membuat penilaian. Di samping itu, amalan pengurusan kurikulum ini juga turut dipengaruhi oleh sikap guru penasihat sebagai perancang, pelaksana, pemimpin dan penilai.

1.10.6 Sekolah Kebangsaan



Sekolah merupakan tempat untuk memberikan pendidikan yang formal kepada murid-murid yang merujuk kepada sesiapa yang belajar di situ. Sekolah adalah medan memperkembangkan ilmu pengetahuan, menimba pengalaman, membina sahsiah diri dan belajar mengenali rakan-rakan dan guru-guru serta warga sekolah lain.



Sekolah Kebangsaan (SK) pula ialah sekolah rendah yang menyampaikan ilmu menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Murid-murid sekolah kebangsaan terdiri daripada kanak-kanak berumur tujuh hingga dua belas tahun.

Merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1/1985, murid-murid perlu menyertai sekurang-kurangnya satu badan beruniform, persatuan atau kelab dan satu jenis sukan dan permainan. Penyertaan murid dalam aktiviti kurikulum yang merupakan





sebahagian daripada kurikulum kebangsaan adalah bagi memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Selain itu, berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006-2010), Sekolah Kebangsaan (SK) diberikan tumpuan kerana sekolah ini mempunyai peranan penting sebagai tapak untuk menyemai dan memupuk perpaduan di antara kaum daripada peringkat awal persekolahan. Dalam dasar PIPP, Sekolah Kebangsaan (SK) diwujudkan untuk memperkasakan semua sekolah rendah yang berbahasa pengantar Bahasa Melayu menjadi pilihan utama masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, fokus memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK) ini akan dapat membantu dalam pengurusan kokurikulum di sekolah yang lebih berkesan.



1.10.7 Guru Penasihat

Berdasarkan garis panduan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1/1985 (Perkara 5.2), penyertaan semua guru adalah wajib untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum. Semua guru perlu memastikan aktiviti kokurikulum di sekolah dilaksanakan dengan baik dan berjalan dengan lancar. Oleh yang demikian, semua guru merupakan guru penasihat yang terlibat dalam mengendali dan menguruskan aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah.

Guru penasihat juga bertanggungjawab ke atas segala aktiviti yang meliputi aspek merancang aktiviti kokurikulum yang akan dijalankan, memastikan aktiviti yang dilaksanakan dengan baik dan lancar, menguruskan hal-hal yang berkaitan





kokurikulum seperti menulis buku kehadiran kokurikulum, menguruskan kewangan secara berhemah, memastikan harta benda dan peralatan selamat untuk digunakan, melatih murid-murid serta mengiringi murid-murid untuk menyertai pertandingan dan sebagainya.

Sehubungan itu, kajian ini adalah melibatkan guru-guru penasihat di sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan pengurusan aktiviti kokurikulum di sekolah.

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini hanya i. terbatas kepada guru-guru penasihat sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak. Seramai 280 orang guru penasihat daripada 35 buah sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak akan mewakili sekolah masing-masing sebagai responden dalam kajian ini. Oleh itu, keputusan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada guru-guru penasihat di luar daerah berkenaan atau dari negeri-negeri yang lain.

Selain itu, kajian ini berfokus untuk menentukan kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kokurikulum di sekolah kebangsaan. Sehubungan itu, kajian ini akan dilaksanakan dengan menggunakan instrumen yang berbentuk soal selidik dan data yang diperolehi akan dianalisis secara kuantitatif. Oleh yang demikian, ketepatan hasil kajian ini adalah bergantung kepada kejujuran responden semasa menjawab borang soal selidik berkenaan.





Sementara itu, dari segi lokasi kajian, pengkaji melibatkan guru-guru penasihat sekolah kebangsaan di luar bandar dan di bandar di dalam daerah berkenaan sahaja yang mempunyai jarak perjalanan di antara satu hingga 25 kilometer bagi setiap sekolah yang terlibat. Oleh sebab itu, kajian ini hanya diguna pakai untuk guru-guru penasihat kokurikulum sekolah kebangsaan di Daerah Hilir Perak.

Di samping itu, kajian ini juga tidak boleh diguna pakai untuk sesebuah sekolah sahaja walaupun di dalam daerah Hilir Perak kerana kajian ini dilakukan secara menyeluruh dan bukan berfokus kepada sesebuah sekolah sahaja. Oleh yang demikian, setiap guru-guru penasihat kokurikulum di setiap sekolah kebangsaan yang terdapat di Daerah Hilir Perak akan berpeluang mewakili sekolah masing-masing sebagai responden kajian.



1.12 Rumusan

Guru penasihat merupakan inividu yang terlibat secara langsung dalam aktiviti kokurikulum dan pengurusan kokurikulum di sekolah. Setiap guru penasihat bertanggungjawab menguruskan aktiviti kokurikulum meliputi aspek merancang, melaksana, memimpin dan menilai.

Sehubungan itu, kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat merupakan aspek penting bagi memastikan aktiviti kokurikulum di sekolah dapat dilaksana dan diuruskan dengan baik dan berkesan. Oleh yang demikian, pengkaji





tertarik untuk menjalankan penyelidikan berkaitan kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat terhadap amalan pengurusan kokurikulum di sekolah.

Tambahan lagi, kajian seperti ini masih belum diperluaskan di sekolah kebangsaan. Lantaran itu, pengkaji tertarik untuk mengenal pasti kesediaan afektif, kognitif dan psikomotor guru penasihat dalam kalangan guru-guru penasihat di sekolah kebangsaan dan mengetahui hubungannya dengan amalan pengurusan kokurikulum di sekolah. Sehubungan itu, dengan menjalankan kajian tersebut, pengkaji yakin bahawa dapatan kajian dapat membantu memberikan sumbangan dan menimbulkan kesedaran kepada pihak pentadbir terutamanya Penolong Kanan Kokurikulum tentang pengagihan tugas yang adil dan bersesuaian dengan kebolehan guru penasihat demi meningkatkan pencapaian kokurikulum di sekolah masing-

